




KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department Of Higher Education
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education Malaysia
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA

Tel: 603-88706381
Faks (Fax): 603-88706140
Portal Rasmi: <http://jpt.moe.gov.my>
(Official Portal)

*Tak Jela PPJK
pun Dr. Suriati
23/12/18*



Ruj. Kami : JPT(A)1000/001/019/01Jld.19 (35)
Tarikh : 6 Disember 2018



SENARAI EDARAN DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**TRANSFORMASI KURIKULUM TERSEDIA MASA HADAPAN
PROGRAM AKADEMIK UNIVERSITI AWAM**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) di bawah aspirasi Lonjakan 1: Graduan Holistik, Bercirikan Keusahawanan dan Seimbang menekankan berkenaan cabaran ketidakpadanan graduan dengan keperluan industri. Bagi mencapai aspirasi ini, maka Universiti Awam (UA) perlu memastikan bahawa program akademik yang ditawarkan berupaya untuk melahirkan graduan yang kompeten, holistik dan menepati keperluan guna tenaga negara dan industri. Selaras dengan itu, Mesyuarat Pasca Kabinet Bilangan 12 Tahun 2017 bertarikh 30 Mei 2017 telah memutuskan bahawa program akademik yang bertindan, tidak mendapat sambutan dan tidak relevan perlu digugurkan. Mesyuarat tersebut juga memutuskan bahawa UA perlu menawarkan program akademik berbentuk hibrid yang menepati keperluan industri selaras dengan revolusi perindustrian semasa.
3. Susulan daripada itu, Mesyuarat Pasca Kabinet Bilangan 21 Tahun 2017 bertarikh 6 September 2017 telah bersetuju menubuhkan satu pasukan bagi menggerakkan usaha ke arah penawaran program akademik yang berdaya saing, terkini dan menepati keperluan industri.

*Fira/mira
utte hebahan PRK*
PROF. MADYA DR. SURIATI BINTI ISMAIL
PENGARAH
Pusat Pengurusan dan Jaminan Kualiti
Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Malaysia Kelantan
*Amirulhis
20/12/18*

Justeru itu, pasukan *Task Force* Transformasi Program Akademik UA yang dipengerusikan secara bersama oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan *Talent Corporation* Malaysia Berhad dengan keahlian daripada wakil-wakil UA, Sektor Awam, Badan Profesional dan wakil industri telah ditubuhkan. Pasukan ini dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan menganalisis senarai program akademik UA yang wajar dijumudkan, dibekukan dan dilupuskan supaya hanya program akademik yang berdaya saing, terkini dan berpacukan revolusi perindustrian sahaja yang ditawarkan.

4. Mesyuarat Pengurusan JPT Bilangan 4 Tahun 2018 bertarikh 23 Mac 2018 telah meluluskan Kerangka dan Elemen Kurikulum Tersedia Masa Hadapan Program Akademik UA yang telah dibangunkan oleh pasukan *Task Force* ini untuk panduan UA dalam menawarkan program akademik. Kerangka dan elemen tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Sehubungan itu, UA disarankan untuk merujuk kepada kerangka dan elemen tersebut dalam membangunkan dan mentransformasikan program akademik UA masing-masing seiring dengan keperluan industri dan seterusnya dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan. Di samping itu, UA juga perlu memastikan keperluan dasar jaminan kualiti, Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework*, MQF), standard program, keperluan badan profesional dan dasar-dasar semasa yang berkuat kuasa dipatuhi bagi menjamin kualiti program akademik yang ditawarkan.

5. Maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh dirujuk kepada pegawai berikut:

Cik Nur Afiqah binti Rahim
Tel. : 03 – 88706552
Emel : nurafiqah.rahim@moe.gov.my

Puan Nur Aznidawaty binti Abd Razak
Tel. : 03 – 88706555
Emel : aznidawaty.razak@moe.gov.my

6. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATIN PADUKA IR. DR. SITI HAMISAH BINTI TAPSIR)

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

Jabatan Pendidikan Tinggi

Kementerian Pendidikan Tinggi

s.k. :

1. **YBrs. Prof. Dr. Noor Azizi bin Ismail**
Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTA)
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62000 PUTRAJAYA
2. Fail

SENARAI EDARAN

1. KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
Tingkat 14B, Menara PKNS-PJ
No. 17 Jalan Yong Shook Lin
46050 Petaling Jaya
SELANGOR
No. Tel : 03-8688 3688
No. Faks : 03-7954 7125

SENARAI TIMBALAN NAIB CANSOLOR/REKTOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

1. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Malaya
Lembah Pantai
50603 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03-7967 3203
No. Faks : 03-7957 2314

2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Aras 6, Bangunan Canselori
Universiti Sains Malaysia
11800 PULAU PINANG
No. Tel : 04-653 3295
No. Faks : 04-656 6699

3. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Kebangsaan Malaysia
Aras 6, Bangunan Canselori
43600 Bangi
SELANGOR
No. Tel : 03-8925 0343
No. Faks : 03-8921 4241

4. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang
SELANGOR
No. Tel : 03-8946 6024
No. Faks : 03-8943 2516

5. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Teknologi Malaysia
81310 Skudai
JOHOR
No. Tel : 07-553 0348
No. Faks : 07-554 7371

6. Timbalan Rektor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Aras 4, Bangunan Rektor
Kampus Gombak
53100 SELANGOR

No. Tel : 03-6196 4018

No. Faks : 03-6196 4867

7. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Utara Malaysia
Aras 4, Bangunan Canselori
06010 Sintok
KEDAH

No. Tel : 04-928 3011

No. Faks : 04-928 3012

8. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Malaysia Sarawak
Aras 6, Bangunan CAUH Kampus Barat
94300 Kota Samarahan
SARAWAK

No. Tel : 082-58 1223

No. Faks : 082-66 5115

9. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Malaysia Sabah
Aras 6, Blok Selatan, Bangunan Canselori
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu

SABAH

No. Tel : 088-44 8665

No. Faks : 088-44 8664

10. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim

PERAK

No. Tel : 05-459 5490

No. Faks : 05-458 3742

11. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai

NEGERI SEMBILAN

No. Tel : 06-798 8015

No. Faks : 06-799 2834

12. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Teknologi MARA
Aras 4, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
40450 Shah Alam
SELANGOR
No. Tel : 03-5544 2233
No. Faks : 03-5544 3510

13. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Terengganu
TERENGGANU
No. Tel : 09-668 4104
No. Faks : 09-668 4109

14. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja
Batu Pahat
JOHOR
No. Tel : 07-453 7007
No. Faks : 07-453 6030

15. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal
MELAKA
No. Tel : 06-270 1012
No. Faks : 06-270 1026

16. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Malaysia Pahang
Aras 2, Canseleri Tun Abdul Razak
26600 Pekan
PAHANG
No. Tel : 09-424 5453
No. Faks : 09-424 5455

17. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Malaysia Perlis
Tingkat 11, Bangunan KWSP
Jalan Bukit Lagi
01000 Kangar
PERLIS
No. Tel : 04-979 8044
No. Faks : 04-979 8099

18. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu

TERENGGGANU

No. Tel : 09-668 8485

No.Faks : 09-668 7889

19. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Universiti Malaysia Kelantan
Jabatan Canselori
Karung Berkunci 36
16100 Pengkalan Chepa

Kota Bharu

KELANTAN

No. Tel : 09-771 7005

No.Faks : 09-771 7022

20. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
57000 Kem Sungai Besi

KUALA LUMPUR

No. Tel : 03-9051 3421

No. Faks : 03-9056 5411

**KERANGKA DAN ELEMEN
KURIKULUM TERSEDIA MASA HADAPAN
(FUTURE READY CURRICULUM)
PROGRAM AKADEMIK UNIVERSITI AWAM (UA)**


**1.0 KRITERIA KURIKULUM BERPACUKAN REVOLUSI PERINDUSTRIAN 4.0
MENGIKUT KEUTAMAAN BERDASARKAN KEPENTINGAN INDUSTRI**

Hasil dapatan kajian oleh pasukan Task Force Transformasi Program Akademik Universiti Awam telah mengenal pasti 14 kriteria kurikulum berpacukan revolusi perindustrian 4.0 mengikut keutamaan berdasarkan kepentingan industri iaitu seperti berikut:

- (i) *Programme Educational Objectives (PEO), Program Learning Outcomes (PLO), Curriculum Learning Outcomes (CLO)* dan Penjajaran Konstruktif menyokong keperluan 4.0 IR;
- (ii) Program dengan penerapan kemahiran abad ke-21;
- (iii) Program dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bukan konvensional;
- (iv) Program dengan pentaksiran alternatif;
- (v) Program berasaskan pendekatan pembelajaran : *Heutagogy, Paragogy, Cybergogy*;
- (vi) Program bercirikan fleksibiliti;
- (vii) Program yang mengiktiraf pembelajaran sepanjang hayat;
- (viii) Program pembelajaran berasaskan pengalaman;
- (ix) Program berasaskan industri;
- (x) Program dengan teknologi 4IR dalam pengajaran dan pembelajaran;
- (xi) Program berasaskan *Work-Based Learning*;
- (xii) Program Global;
- (xiii) Program dengan struktur kurikulum bukan konvensional; dan
- (xiv) Program bersifat hibrid.

1.0 KERANGKA KURIKULUM TERSEDIA MASA HADAPAN (FUTURE READY CURRICULUM FRAMEWORK)

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian tersebut, pasukan *task force* telah memurnikan 14 kriteria tersebut dengan membangunkan Kerangka Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (*Future Ready Curriculum Framework*). Kerangka ini bersifat boleh lentur dan organik (*fluid and organic*) bagi melahirkan graduan yang adaptif terhadap keperluan masa hadapan seiring dengan cabaran abad ke-21. Universiti Awam (UA) tidak tertakluk bagi memenuhi semua elemen yang dinyatakan dalam kerangka ini. Program akademik yang memenuhi sekurang-kurangnya satu (1) daripada elemen atau sub-elemen dalam kerangka ini adalah dianggap sebagai program akademik yang mempunyai elemen kurikulum tersedia masa hadapan. Kerangka ini merupakan panduan asas yang boleh dirujuk oleh UA dalam membangunkan program akademik yang hendak ditawarkan.



Rajah 1 : Kerangka Kurikulum Tersedia Masa Hadapan

2.0 ELEMEN KURIKULUM TERSEDIA MASA HADAPAN

Kerangka Kurikulum Tersedia Masa Hadapan terdiri daripada 3 elemen utama iaitu:

Elemen 1 : Struktur Kurikulum Boleh Lentur dan Organik
(*Fluid and Organic Curriculum Structure*)

Elemen 2 : Penyampaian Pembelajaran dan Pengajaran Transformatif
(*Transformative Teaching and Learning Delivery*)

Elemen 3 : Pentaksiran Alternatif
(*Alternative Assessment*)

2.1 Takrifan Operasi

Elemen 1 : Struktur Kurikulum Boleh Lentur dan Organik
(*Fluid and Organic Curriculum Structure*)

Elemen ini merujuk kepada struktur kurikulum yang boleh dibentuk mengikut perubahan yang berlaku dalam persekitaran pembelajaran selaras dengan perkembangan pelbagai industri dan menjangkau peringkat global. Kurikulum yang organik berkembang secara alami mengikut keperluan pengetahuan kontemporari. Struktur kurikulum boleh lentur dan organik merangkumi empat (4) sub elemen iaitu:

- (i) disiplin berbentuk konvergen, multi disiplin, inter disiplin dan trans disiplin;
- (ii) fleksibel dan bukan konvensional;
- (iii) melibatkan perkongsian industri; dan
- (iv) bersifat global.

Elemen 2 : Penyampaian Pembelajaran dan Pengajaran Transformatif
(*Transformative Teaching and Learning Delivery*)

Elemen ini merujuk kepada penyampaian abad ke-21 menerusi ruang pembelajaran dengan penggunaan teknologi terkini bagi mewujudkan pembelajaran imersif dan bermakna kepada pelajar. Sub elemen yang terkandung di bawah elemen ini ialah:

- (i) pendekatan pedagogi abad ke-21 seperti heutogogy, paragogy, cybergogy dan sebagainya;
- (ii) ruang pembelajaran yang futuristik dan berteknologi 4.0 dalam pembelajaran; dan

(iii) pembelajaran berasaskan pengalaman secara mendalam.

Elemen 3 : Pentaksiran Alternatif
(Alternative Assessment)

Pentaksiran alternatif ditakrifkan sebagai suatu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik yang menjurus kepada aspek “know-how” dan bukan berasaskan kepada prestasi dari aspek penguasaan pengetahuan dan tidak menilai pelajar dalam aspek peperiksaan semata-mata. Di antara contoh pentaksiran alternatif ialah pentaksiran autentik, pencapaian, keperibadian, bersifat bersepadu, kontemporari, masa nyata (real time), berasaskan cabaran, profil dan sebagainya.

KURIKULUM TERSEDIA MASA HADAPAN

ELEMEN	Struktur Kurikulum Organik dan Boleh Ubah (Fluid and Organic Curriculum Structure)	Penyampalan Pembelajaran dan Pengajaran Transformatif (Transformative Teaching and Learning Delivery)	Pentaksiran Alternatif (Alternative Assessment)
SUB ELEMEN	<ul style="list-style-type: none"> • Disiplin Berbentuk Konvergen, Multi Disiplin / Inter Disiplin / Trans Disiplin • Fleksibel Dan Bukan Konvensional • Perkongsian Industri • Global 	<ul style="list-style-type: none"> • Pedagogi Abad Ke-21 (Heutogogy, Paragogy, Cybergogy) • Ruang Pembelajaran Yang Futuristik • Teknologi 4.0 Dalam Pembelajaran • Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Secara Mendalam 	<ul style="list-style-type: none"> • Autentik • Pencapaian • Keperibadian • Bersifat Bersepadu • Kontemporari • Masa Nyata (<i>Real Time</i>) • Berasaskan cabaran • Profil

Rajah 2 : Elemen dan Sub Elemen Kurikulum Tersedia Masa Hadapan

4.0 KESIMPULAN

Elemen dan sub elemen ini boleh dijadikan rujukan kepada UA untuk membuat penilaian sendiri ke atas program akademik di UA masing-masing dari semasa ke semasa bagi memastikan program akademik masih relevan dan berdaya saing di pasaran. UA juga disarankan supaya sentiasa membuat penambahbaikan terhadap program akademik dengan mengambil kira perkembangan semasa, keperluan industri, teknologi dan sebagainya.